

# Sahut cabaran bina masjid

Mahasiswa UMP masih cari dana, perlukan sumbangan RM1 juta



Redzuan (depan, kiri) bersama tetamu kehormat ketika pelancaran pembinaan Masjid UMP.



Tapak projek pembinaan masjid.

Mahasiswa Bina Masjid merupakan inisiatif pencarian dana untuk membina masjid yang diterajui Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Pahang (MPPUMP) sesi 2016/2017.

Usaha Mahasiswa Bina Masjid yang dimulakan sejak Mac tahun ini merupakan antara projek mega sedang dikendalikan MPPUMP selain persembakan Parlimen Mahasiswa UMP.

Pengerusi Jawatankuasa Mahasiswa

Bina Masjid yang juga Naib Yang Dipertua 1 MPPUMP, Redzuan Res Abdul Rask, 22, berkata, melibatkan mahasiswa hollist dan berciri keusahawanan merupakan salah satu dalam 10 lorjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2015-2025.

Justeru UMP menurutiya, menyahut seruan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dalam melibatkan mahasiswa yang tidak lagi hanya tertumpu dengan ilmu akademik di dalam kuliah semata-mata, malah

melibatkan diri dengan aktiviti tambahan yang mampu meningkatkan kemahiran insaniah. Diarahkan, idea asal projek Mahasiswa Bina Masjid dicadangkan oleh Pentafaraj UMP, Hamid Masjid sebagai satu cabaran kepada MPP Sesi 2016/2017.

"Melalui inisiatif Mahasiswa Bina Masjid ini, penuntut dapat mempelajari dan mengasah teknik diplomasi dan membina rangkaian bersama syarikat atau agensi terkemuka, di dalam malahan di luar negara.

"Usaha pembangunan infrastruktur UMP yang diterajui oleh mahasiswa ini akan menjadi medium dalam menghubungkan pihak pengurusan UMP dan mahasiswa. Hal ini dikatakan demikian kerana peranan mahasiswa dalam pembangunan infrastruktur universiti adalah amat signifikan dari segi penyumbangan idea dan pendapat agar UMP dapat mencapai status universiti teknologi tarungul dan dipandang tinggi oleh masyarakat," katanya.

Menurutiya, Naib Canselor UMP Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim juga memberikan sokongan padu dalam pelaksanaan projek Mahasiswa Bina Masjid dengan memberikan kepercayaan penuh kepada MPPUMP dalam pencarian dana serta gerak kerja mahasiswa dalam menjayakan inisiatif ini.

Redzuan berkata, inisiatif yang unik dan julung kali diadakan ini juga mengikat

hubungan di mana program Mahasiswa Bina Masjid ini melibatkan seluruh penuntut UMP tidak kira sama ada tempatan atau antarabangsa.

"Penuntut antarabangsa UMP juga merupakan salah satu platform untuk meluaskan rangkaian pencarian dana ke peringkat antarabangsa. "Kami masih dalam misi pencarian dana sebanyak RM1 juta. Setakat 22 Julai 2017, jumlah kutipan baru RM130,000," katanya.

## Sebelum akhir tahun

Program Mahasiswa Bina Masjid juga disokong penuh oleh MyGif UMP. MyGif UMP merupakan usaha mengumpul sumbangan daripada mana-mana pihak untuk digunakan bagi tujuan tajaan pendidikan dan peningkatan mutu pelajaran sedia ada di UMP demi masa depan para penuntut yang lebih cemerlang.

Dengan adanya MyGif UMP ini ia dapat memberi input positif demi masa depan UMP dalam memenuhkan kemegahan prasarana kepada penuntut.

"Diharapkan agar semua agensi kerajaan mahupun agensi bukan kerajaan (NGO) dalam dapat membantu menjayakan inisiatif mulia ini. Mari membangunkan masjid walau hanya menyumbangkan satu bata.

"Daripada Jabir 'Abdillah RA, Rasulullah SAW bersabda: "Siapa yang membangun masjid kerana Allah walaupun hanya selang tempur bungkus bertukar atau lebih kecil, maka ALLAH akan banyangkan baginya (rumah) seperti tu pulu di syurga." (HR. Ibnu Majah no. 738)," kata Redzuan.

Menurutiya, phaktya berbarat sasaran pencarian dana bagi projek Mahasiswa Bina Masjid ini paling awal dapat dikumpulkan sebelum akhir tahun 2017.

Masjid berkenaan kini sedang dibina di UMP Pakan, selepas persembakan pecah tanah oleh Perdana Menteri pada 22 Julai lalu.

Mereka berhasrat menyumbang kepada pembinaan masjid ini boleh berbuat demikian dengan bank in kepada Bendahan UMP (Masjid) 556235310493 (Maybank) atau hubungi Enock Jamil 094245124 (Pegawai Pejabat Naib Canselor) dan Redzuan, 0173137023 yang juga bertindak sebagai Pengerusi Pencarian Dana Mahasiswa Bina Masjid.



Barisan sekretariat Mahasiswa Bina Masjid bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sertai Kami  
Mahasiswa Bina Masjid



Build your  
House in Jannah

\* Setiap sumbangan akan dikawal oleh paneliti dan akan disimpan dalam akaun bank pencarian 100%

Sumbangan Pembinaan Masjid Universiti Malaysia Pahang



Bayaran boleh dibuat melalui tunai, cek, bank draft, perbankan internet dan potongan gaji bagi staf UMP.  
Maklumat lanjut tayari <http://mygif.ump.edu.my> atau hubungi talian 09-421 5142 (En. Jamil) / 09-424 5217 (En. Nazmi)

